

BENTUK KERTAS SOALAN

Mata pelajaran Tasawwur Islam SPM diuji dengan satu kertas (5226\1) yang mengandungi 8 soalan iaitu:

- Bahagian A Mengandungi 3 soalan. Calon dikehendaki memilih dan menjawab 2 soalan sahaja. Markah yang diperuntukkan ialah 40 markah.
- Bahagian B Mengandungi 5 soalan. Calon dikehendaki memilih untuk menjawab 3 soalan sahaja dan markah penuh yang diperuntukkan ialah 60 markah.

Secara keseluruhan calon dikehendaki menjawab 5 soalan daripada 8 soalan yang diberi yang mewakili 100 markah dan masa yang diperuntukkan adalah 2 jam 30 minit.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya, prestasi calon meningkat. Sebilangan besar calon dapat menjawab soalan fakta dengan tepat. Ini membuktikan kemampuan calon mengingat dan menghafaz fakta penting yang dipelajari. Selain dari itu calon juga mendapat pendedahan teknik menjawab soalan yang betul. Namun begitu bilangan calon yang memperolehi markah maksima agak berkurangan sedikit berbanding tahun tahun sebelumnya. Ini menunjukkan kematangan calon menguasai dan memahami soalan yang berbentuk analisa dan penilaian masih di tahap sederhana sahaja. Terdapat calon yang menjawab soalan berbentuk Kemahiran Berfikir Secara Kreatif dan Kritis (KBKK) dan logik secara umum. Selain itu calon juga gagal menguasai laras bahasa dan penulisan dengan baik.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon dalam Kumpulan Tinggi**

Didapati calon dalam kumpulan ini begitu memahami kehendak dan tugas soalan serta dapat mengemukakan jawapan tepat dengan diiringi contoh yang boleh memantapkan isi jawapan menjadi bernas. Selain itu juga calon dalam kategori ini begitu menguasai tajuk dalam subjek ini dengan sempurna serta dapat menyampaikan jawapan dengan gaya bahasa yang mudah dan penulisan yang baik.

Calon dalam Kumpulan Sederhana

Didapati dalam kumpulan ini calon memahami kehendak soalan dan tugas yang diberi tetapi jawapan yang dikemukakan agak umum kerana tidak disertakan contoh sekaligus menjadikan isi jawapan kurang mantap. Adakala contoh dan huraian yang dikemukakan tidak menyokong isi jawapan yang diberi malah menjadikan jawapan calon terpesong. Laras bahasa dan penulisan yang digunakan agak sederhana. Terdapat calon yang mempunyai masalah tulisan yang sukar dibaca.

Calon dalam Kumpulan Rendah

Didapati dalam kumpulan ini calon gagal memahami kehendak dan tugas soalan. Takrif yang dikemukakan kurang tepat dan tidak difahami. Jawapan juga tidak jelas, kabur dan tidak berkaitan dengan kehendak soalan. Huraian yang diberikan agak menyeleweng

dengan kehendak soalan. Terdapat penguasaan bahasa yang lemah sehingga sukar memahami apa yang hendak disampaikan. Calon juga menyalin semula soalan yang dikemukakan. Jawapan calon sering mengulangi fakta yang sama.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1 (a) Nyatakan maksud wahyu.

Calon dapat memahami maksud wahyu dengan tepat mengikut jawapan yang sebenar. Namun ada calon yang tidak mampu menyatakan maksud wahyu dengan lengkap. Kesilapan yang sering ditemui ialah kekeliruan calon membezakan takrif al-Quran dan wahyu. Terdapat calon menjawab wahyu sebagai utusan Allah dan kalam Allah sahaja.

(b) Apakah akibat jika mengamalkan ilmu yang tidak berasaskan wahyu?

Calon dapat memahami dan menjelaskan akibat mengamalkan ilmu yang tidak berasaskan wahyu dengan tepat. Terdapat juga calon yang tidak mampu menyenaraikan akibat mengamalkan ilmu yang tidak berasaskan wahyu dengan tepat. Kesilapan yang sering ditemui ialah mengulang isi atau maksud jawapan yang sama.

(c) (i) Media massa adalah alat komunikasi yang penting dalam mencapai kemajuan masa kini. Terangkan tiga kebaikan media massa kepada pelajar.

Calon dapat memahami dan menjelaskan kelebihan media massa kepada calon mengikut jawapan yang sebenar. Ada juga calon yang gagal mengemukakan kelebihan media massa sebaliknya menerangkan kelebihan alat komunikasi yang lain seperti telefon bimbit.

(c) (ii) Bagaimanakah anda mengawal diri daripada pengaruh unsur-unsur negatif yang disebarkan oleh alat komunikasi tersebut ?

Calon dapat mengemukakan cara mengawal diri daripada pengaruh unsur negatif yang disebarkan oleh alat komunikasi dengan tepat mengikut jawapan yang sebenar. Terdapat calon yang tidak mampu menyatakan cara mengawal diri daripada pengaruh unsur negatif yang disebarkan oleh alat komunikasi.

(d) Mengapakah fahaman sekularisme bertentangan dengan Islam?

Calon dapat menjelaskan sebab fahaman sekularisme bertentangan dengan Islam mengikut jawapan yang sebenar. Namun terdapat calon yang tidak mampu menyatakan sebab fahaman sekularisme bertentangan dengan Islam.

Soalan 2 (a) Islam memberi kebebasan beragama kepada manusia. Terangkan maksud kebebasan tersebut.

Calon dapat menjawab dengan mengemukakan tiga isi yang bertepatan dengan kehendak soalan seperti :*Tidak memaksa seseorang menganut agama Islam, Agama lain boleh mengamalkan ajarannya masing-masing dan tidak mengganggu upacara agama lain*. Namun terdapat calon yang hanya menjawab maksud kebebasan manakala kehendak jawapan yang sebenar ialah kebebasan beragama. Contoh kesilapan calon : *Maksud kebebasan ialah kebebasan bagi umat manusia tentang kebaikan sesama manusia dalam menghadapi dugaan hidup.*

(b) (i) Islam agama Rabbaniyyah.
Nyatakan dua prinsip Rabbaniyyah dengan jelas.

Calon dapat menyatakan prinsip Rabbaniyyah dengan jelas seperti *Islam agama yang bersih daripada kekurangan dan dorongan hawa nafsu, Islam dan seluruh makhluk adalah hak Allah SWT dan Allah s.w.t. sebagai pemberi peraturan hidup (Law Giver).* Terdapat calon yang gagal menyatakan prinsip Rabbaniyyah dengan tepat kerana tidak memahami maksud Rabbaniyyah. Contoh kesilapan calon ialah *percaya kepada tuhan dan mengikut segala arahan.*

(b) (ii) Bagaimanakah anda menghayati prinsip-prinsip Rabbaniyyah dalam kehidupan.

Sebahagian calon dapat menerangkan cara menghayati prinsip Rabbaniyyah dengan betul seperti *percaya dan yakin dengan segala Rukun Iman, mengerjakan segala perintah Allah s.w.t. dan meninggalkan segala larangan Allah s.w.t.* Namun ada calon yang tidak mampu menerangkan cara menghayati prinsip Rabbaniyyah dengan betul. Kesilapan yang sering ditemui ialah kekeliruan calon menerangkan prinsip lain seperti syumuliyah, waq'iyyah dan sebagainya.

(c) (i) Jelaskan maksud Syumuliyah.

Calon yang memilih soalan ini dapat menjelaskan maksud Syumuliyah dengan betul dan menepati jawapan sebenar iaitu *ajaran Islam yang sempurna dan mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia.* Terdapat calon yang tidak mampu menyatakan maksud syumuliyah dengan tepat. Kesilapan yang sering ditemui ialah kekeliruan calon membezakan takrif syumuliyah dengan prinsip yang lain seperti waq'iyyah.

(c) (ii) Huraikan aspek Syumuliyah dalam bidang ekonomi.

Calon menerangkan aspek syumuliyah seperti yang dikehendaki dalam jawapan seperti *harta itu sendiri mestilah halal, mengeluarkan zakat, mengamalkan akhlak mulia dan tidak mengabaikan ibadah.* Terdapat calon yang tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik dan umum kerana tidak memahami konsep syumuliyah dalam bidang ekonomi. Calon juga hanya menerangkan konsep syumuliyah semata-mata tanpa menghubungkan dengan aspek ekonomi. Contohnya *Islam agama yang lengkap dan mencakupi seluruh aspek kehidupan.*

Soalan 3 (a) Negara Islam adalah negara kebajikan dan mendapat keampunan Allah s.w.t. Huraikan maksud negara Islam kebajikan dalam pernyataan di atas.

Calon menerangkan maksud negara Islam sebagai negara kebajikan seperti yang dikehendaki dalam jawapan iaitu *berusaha menjamin keamanan dan kemakmuran negara.* Namun terdapat calon yang tidak dapat menghuraikan maksud negara kebajikan dengan tepat. Huraian dan contoh jawapan yang diberikan agak menyeleweng dan terkeluar daripada kehendak soalan. Sepatutnya calon perlu menerangkan maksud negara Islam ialah *negara yang menjamin keamanan dan kemakmuran serta memastikan tiada sebarang penindasan dan kezaliman berlaku.*

(b) Nyatakan empat sifat seorang penguasa menurut Islam.

Calon mampu menerangkan sifat yang dikehendaki bagi seorang penguasa Islam dengan betul. Terdapat calon yang memberi lebih isi yang dikehendaki dan jawapan yang

tepat. Kehendak soalan ini meminta calon menyatakan sifat penguasa Islam seperti *beriman dan bertaqwa, adil, berakhlak mulia, ihsan dan pemaaf*.

- (c) Satu daripada tugas hakim ialah membebaskan tertuduh sekiranya ada keraguan dalam perbicaraan.
Jelaskan dua hikmah melaksanakan tugas tersebut.**

Calon dapat memahami dan menjelaskan hikmah bagi hakim yang membebaskan tertuduh sekiranya terdapat keraguan dalam perbicaraan. Calon sering mengulang isi jawapan yang sama seperti *mengelakkan berlaku kezaliman, tiada berlaku kezaliman dan tiada penindasan dalam masyarakat*. Kehendak soalan ialah calon perlu menjelaskan hikmah hakim perlu membebaskan tertuduh sekiranya terdapat keraguan iaitu *keadilan masyarakat terjamin dan semua pihak berpuashati seterusnya keamanan berkekalan*.

- d (i) Sikap kasih sayang adalah asas keluarga bahagia.
Nyatakan dua contoh kasih sayang tersebut.**

Calon dapat menyatakan contoh yang sesuai dan bertepatan dengan tugas soalan. Calon juga memberi jawapan yang lebih daripada yang dikehendaki. Soalan ini mengkehendaki calon memberi contoh kasih sayang dalam keluarga seperti hormat menghormati sesama ahli keluarga dan melakukan aktiviti secara berjemaah.

- d (ii) Terangkan dua kelebihan mengamalkan sikap tersebut.**

Calon dapat memahami tugas soalan iaitu memberi isi jawapan dengan huraian yang baik. Calon juga dapat mengaitkan isi jawapan dengan contoh kasih sayang. Soalan ini meminta calon menerangkan kelebihan yang diperolehi apabila mengamalkan sikap kasih sayang. Contohnya *sifat hormat menghormati dalam keluarga akan mewujudkan keluarga yang aman dan harmoni. Keluarga yang mengamalkan sifat kasih sayang juga akan sentiasa diberkati oleh Allah s.w.t.*

- Soalan 4 (a) Harta merupakan amanah daripada Allah s.w.t.
Jelaskan maksud pernyataan di atas.**

Calon dapat mengemukakan jawapan yang jelas tentang konsep harta dalam Islam beserta huraian yang sesuai dan lengkap. Jawapan calon secara umum berbentuk karangan pendek yang menyebabkan jawapan calon terkeluar daripada kehendak soalan. Contohnya *tidak membazir kepada perkara yang tidak berfaedah dan menggunakan harta untuk tujuan yang baik*. Jawapan sepatutnya adalah *mengakui harta adalah hak mutlak Allah s.w.t., membelanjakan harta pada jalan Allah dan mengeluarkan zakat*.

- (b) Kebebasan memiliki harta tertakluk kepada peraturan syarak.
Jelaskan dua daripada peraturan tersebut.**

Calon mampu mengemukakan peraturan dalam konsep pemilikan harta mengikut Islam. Kehendak soalan meminta calon menghuraikan peraturan dalam pemilikan harta dalam Islam seperti *menghormati hak orang lain, sentiasa menunaikan hak-hak harta seperti mengeluarkan zakat dan mencari harta dengan jalan yang halal*.

- (c) Jelaskan keistimewaan pekerjaan yang halal.**

Calon mampu menjelaskan tiga keistimewaan pekerjaan yang halal dengan tepat dan melebihi peruntukan jawapan. Walau bagaimanapun terdapat calon yang mengulang

jawapan yang sama seperti *mendapat keredhaan Allah atau diberkati Allah s.w.t.* Kehendak jawapan tentang keistimewaan pekerjaan yang halal ialah *mulia di sisi Allah, mendapat keberkatan dan kesejahteraan serta menjamin kemajuan yang berkekalan.*

d (i) Apakah maksud manipulasi?

Calon dapat menyatakan maksud manipulasi dengan tepat mengikut jawapan yang sebenar. Namun terdapat jawapan calon yang mengelirukan kerana tidak memahami maksud manipulasi. Contohnya manipulasi dimaksudkan sebagai *perkara yang tidak benar dan penipuan penjual terhadap pembeli.* Jawapan sebenar menghendaki calon mengingat kembali maksud manipulasi iaitu *menggunakan kemahiran dan kepandaian untuk memperoleh keuntungan peribadi dengan cara yang salah.*

(d) (ii) Jelaskan akibat kepada peniaga yang mengamalkan manipulasi dalam perniagaannya.

Jawapan calon tidak menumpukan kepada kesan atau akibat kepada peniaga yang mengamalkan manipulasi. Calon tidak memahami maksud manipulasi dan jawapan calon umum dan penggunaan bahasa yang kabur, contohnya *perniagaan mereka akan rugi dan berlaku kacau bilau.* Kehendak soalan meminta calon menganalisa kesan dan akibat perbuatan manipulasi iaitu *melahirkan sifat dendam antara pengguna dan pembeli dan peniaga akan dipulaukan oleh masyarakat.*

Soalan 5 (a) Apakah maksud perundangan Islam?

Calon dapat menerangkan maksud perundangan Islam dengan lengkap. Jawapan calon ringkas dan tidak menjawab maksud sebenar perundangan Islam, contohnya *perundangan Islam adalah undang-undang Islam.* Soalan ini menghendaki jawapan calon menyatakan maksud perundangan Islam seperti *hukum yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. kepada manusia yang merangkumi akidah, syariah dan akhlak.*

**5 (b) Falsafah perundangan Islam ialah menggunakan segala daya kemampuan akal yang berteraskan wahyu untuk mengkaji dan meneliti perkara-perkara yang berhubung dengan urusan kehidupan.
Terangkan tiga kelebihan menghayati falsafah tersebut.**

Calon dapat menghuraikan isi jawapan dengan teratur dan lengkap. Calon memahami falsafah perundangan Islam dengan sempurna. Calon tidak dapat memberikan jawapan mengikut kehendak soalan. Jawapan calon agak terpesong, kabur dan terlalu umum. Calon tidak memahami falsafah perundangan Islam dengan tepat seperti *dapat menggunakan akal untuk berfikir, dapat mengetahui cara hidup manusia dan dapat mengawal nafsu.* Calon sepatutnya menerangkan tiga kelebihan menghayati falsafah perundangan Islam iaitu *segala peraturan Allah s.w.t. dilaksanakan dengan sempurna, menjadikan Islam sebagai cara hidup dan dapat hidup dengan aman dan sejahtera.*

**(c) (i) Antara matlamat perundangan Islam ialah memelihara kesucian agama.
Terangkan dua cara untuk mencapai matlamat tersebut.**

Calon mampu menjelaskan cara untuk mencapai matlamat perundangan Islam iaitu memelihara kesucian Islam dengan mengemukakan jawapan serta huraian yang mantap seperti *melaksanakan hukum hudud dan qisas serta menghapuskan perkara-perkara yang merosakkan aqidah.* Calon sendiri lemah terhadap fakta falsafah perundangan Islam. Jawapan calon agak tergantung dan tidak menepati kehendak soalan. Kesilapan yang

sering ditemui ialah calon sendiri tidak memahami kehendak soalan seperti *tidak mengkhianati agama sendiri, menjadikan agama sebagai pegangan dan menjaga kehormatan agama*. Kehendak soalan meminta calon memberi jawapan mengenai cara perundangan Islam berperanan memelihara kesucian agama. Jawapan yang sesuai ialah *melaksanakan Islam seperti hukum hudud dan qisas serta menghapuskan perkara-perkara yang merosakkan aqidah*.

Soalan 5 (c) (ii) Apakah yang akan berlaku jika matlamat tersebut tidak dilaksanakan?

Calon gagal mengaitkan jawapan dengan kehendak soalan. Isi jawapan calon lebih tertumpu kepada kesan umum terhadap pengabaian matlamat perundangan Islam seperti *agama Islam akan ditindas, agama Islam dipandang hina dan agama lain akan memburukkan agama Islam*. Jawapan calon sepatutnya menerangkan tiga kesan sekiranya matlamat perundangan Islam untuk memelihara kesucian agama diabaikan ialah *menyebabkan murtad berleluasa, khurafat menjadi amalan hidup dan berlaku syirik dan kufur*.

Soalan 6 (a) (i) “Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara syaitan...”

Mengapakah ada segelintir umat Islam masih melakukan perbuatan tersebut.

Calon dapat menjelaskan sebab umat Islam masih melakukan perbuatan membazir. Didapati calon juga memberikan contoh untuk menguatkan isi jawapan supaya lebih bernas. Contohnya dua sebab seseorang melakukan pembaziran ialah *berbelanja mengikut nafsu dan tidak mengamalkan cara hidup Islam*. Namun terdapat calon yang hanya memberikan jawapan yang ringkas dan agak tergantung hingga menyebabkan jawapan calon menyeleweng daripada kehendak soalan. Contohnya *calon menjawab tiada rasa bersyukur atas nikmat Allah s.w.t. dan tiada sikap jimat cermat ketika berbelanja*. Kehendak soalan meminta calon menerangkan sebab umat Islam masih melakukan pembaziran. Jawapan calon sepatutnya menjelaskan sebab umat Islam masih melakukan perbuatan membazir iaitu *kurang didikan agama, mementingkan diri sendiri, mengikut hawa nafsu dan jahil tentang cara hidup Islam*.

(a) (ii) Jelaskan kesan perbuatan tersebut terhadap ekonomi negara?

Calon dapat menerangkan dua kesan pembaziran terhadap ekonomi negara. Jawapan calon padat dan tepat. Contohnya *berlaku inflasi dalam negara dan berlaku ketidakstabilan ekonomi negara*. Kelemahan calon ialah menjawab secara umum dan tidak menumpukan kepada kehendak soalan. Calon keliru antara deflasi dan inflasi. Contohnya *negara akan mundur, tidak berlaku inflasi dan berlaku deflasi dalam negara*. Kehendak soalan meminta calon menerangkan kesan pembaziran terhadap negara seperti *ekonomi negara tidak stabil, berlaku inflasi dan dana negara akan berkurangan*.

(b) (i) Apakah maksud haram?

Calon dapat memahami dan menjelaskan maksud haram dengan tepat. Kesilapan calon ialah menjawab dengan ringkas dan jawapan tergantung seperti *perkara yang dilarang atau perkara yang tidak boleh dilakukan*. Kehendak soalan pula ialah meminta calon mengingat kembali maksud haram iaitu *perkara yang diberi pahala jika meninggalkannya dan diberi dosa jika melakukannya*.

(b) (ii) Mengapakah umat Islam dikehendaki meninggalkan perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum tersebut?

Kebanyakan calon memahami maksud haram dan perkara yang dikategorikan sebagai haram. Ini memudahkan calon menerangkan hikmat meninggalkan perkara haram dengan tepat. Walau bagaimanapun terdapat calon yang kurang memahami konsep haram dan tidak mampu mengaitkan contoh jawapan dengan kesannya. Oleh itu jawapan calon tidak menumpukan kepada kehendak soalan. Calon sepatutnya menghuraikan hikmat Islam menyuruh umatnya meninggalkan perkara haram, contohnya *mendapat keredhaan Allah, memantapkan akidah Islam dan ibadah dilaksanakan dengan sempurna*.

**(c) Pelaksanaan muamalah Islam mampu memperkemaskan dan melicinkan urusan kehidupan manusia.
Jelaskan tiga contoh perkhidmatan daripada institusi kewangan Islam yang berkaitan dengan muamalah tersebut.**

Calon dapat menyatakan tiga contoh perkhidmatan dalam Institusi Kewangan Islam beserta huraian terhadap setiap contoh yang diberikan. Kesilapan calon ialah menyatakan contoh perkhidmatan semata-mata tanpa huraian atau menjelaskan huraian tanpa contoh perkhidmatan seperti *menyatakan al-Rahn sahaja atau menyatakan sistem pajak gadai Islam sahaja*, sedangkan kehendak jawapan perlu menyatakan kedua-duanya sekali.

**Soalan 7 (a) Islam menggalakkan umatnya menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan.
Bagaimanakah melaksanakan aktiviti tersebut mengikut prinsip muamalah Islam.**

Calon dapat menerangkan cara melaksanakan perniagaan mengikut prinsip muamalah Islam kerana calon memahami konsep perniagaan dalam Islam dengan baik. Kesilapan calon pula ialah tidak memahami konsep muamalah Islam. Jawapan yang diberi agak mengelirukan dan tidak menjawab soalan. Malah jawapan juga sering berulang-ulang. Sepatutnya calon menghuraikan prinsip perniagaan dalam Islam sebagai *perniagaan yang halal, amanah dalam pengurusan harta dan menghindarkan unsur-unsur penyelewengan serta penindasan*.

**(b) (i) Sumbang mahram merupakan perlakuan yang menyalahi prinsip kekeluargaan Islam.
Nyatakan empat punca perlakuan tersebut.**

Calon dapat menyatakan punca berlakunya perbuatan sumbang mahram dengan jelas dan lengkap. Pendedahan yang meluas tentang isu sumbang mahram melalui media massa membantu calon memberi jawapan yang tepat. Walau bagaimanapun terdapat calon yang tidak memahami maksud sumbang mahram. Mereka hanya memberikan jawapan yang kabur dan menyeleweng dari kehendak soalan. Contohnya *tiada kawalan atau asuhan dari ibubapa*. Sepatutnya calon menyatakan punca sumbang mahram ialah *jahil agama, membaca dan menonton bahan lucah dan dorongan hawa nafsu dan sebagainya*.

(b) (ii) Terangkan tiga akibat perlakuan tersebut.

Calon dapat menerangkan kesan dan akibat perbuatan sumbang mahram dengan tepat seperti berlaku *perceraian suami dan isteri*. Terdapat calon yang menjawab terlalu ringkas, longgar dan berulang-ulang contohnya *perbuatan tersebut keji dan dihina, mendapat malu dan menanggung dosa*. Sedangkan jawapan yang dikehendaki ialah *Allah melaknat*

perbuatan tersebut, masyarakat memandang hina kepada pelakunya dan mangsa akan mengalami kesan psikologi atau trauma.

- (c) Pergaulan bebas adalah budaya yang bertentangan dengan Islam. Bagaimanakah anda mengawal diri daripada pengaruh budaya tersebut?**

Calon dapat menerangkan cara mengawal diri daripada pengaruh budaya pergaulan bebas. Calon memberi jawapan yang tepat dan mengikut kehendak soalan. Jawapan juga melebihi peruntukan yang diminta. Terdapat juga jawapan yang umum dan tidak tepat serta menyeleweng daripada kehendak soalan. Gaya bahasa yang digunakan lemah dan menyalahi laras bahasa. Calon juga menghuraikan pergaulan bebas sebagai *mengelakkan diri daripada bergaul bebas antara lelaki dan perempuan, berfoya-foya antara lelaki dan perempuan dan mengelak diri dari keluar malam*. Kehendak soalan meminta calon menerangkan cara atau langkah untuk mengelakkan diri daripada pengaruh budaya pergaulan bebas seperti *bijak memilih rakan yang baik, mendalami ilmu agama, menghadiri majlis ilmu dan memperbanyakkan amal soleh*.

Soalan 8 (a) Terangkan tiga tujuan penyelesaian masalah menurut Islam.

Calon dapat menerangkan tujuan penyelesaian masalah dengan lengkap dan bernas. Calon memahami tugas soalan dengan baik dan jawapan mereka juga lengkap. Kelemahan calon pula ialah mereka-reka jawapan tanpa menyenaraikan semula tujuan penyelesaian masalah dalam Islam. Terdapat juga calon yang menjawab dalam bentuk karangan pendek dan terpesong dari kehendak soalan. Sepatutnya calon menerangkan tiga tujuan penyelesaian masalah menurut Islam ialah *menjamin kebahagiaan dunia dan akhirat, menguatkan keimanan dan kepatuhan kepada Allah dan mewujudkan keadilan dan perpaduan sesama manusia*.

- (b) Keperibadian muslim yang kukuh adalah hasil penyelesaian masalah secara Islam.**

Terangkan tiga ciri yang menunjukkan keperibadian tersebut.

Calon dapat menerangkan ciri keperibadian muslim yang kukuh dengan jawapan yang tersusun dan bernas. Calon memahami tugas soalan dengan baik. Terdapat juga calon yang hanya menyatakan ciri keperibadian muslim tanpa menyertakan sebarang huraian. Jawapan agak longgar dan tidak bernas. Kehendak jawapan ialah *sentiasa menyempurnakan ibadat fardu, sentiasa bermuamalah secara Islam dan mengamalkan sunnah rasulullah s.a.w.*

- (c) Perpaduan ummah mampu menyelesaikan banyak masalah. Terangkan dua kepentingan perpaduan dalam menyelesaikan masalah ummah.**

Calon dapat menghuraikan kepentingan perpaduan dalam menyelesaikan masalah ummah. Calon menjawab dengan ringkas tetapi bertepatan dengan kehendak soalan. Contohnya dapat mengeratkan silaturrahim dan melahirkan sifat kerjasama atau tolong menolong. Walau bagaimanapun terdapat calon yang tidak memahami kehendak soalan dan konsep perpaduan dalam Islam. Sebaliknya terdapat isi jawapan yang berulang-ulang menyebabkan calon kehilangan markah. Soalan kali ini menghendaki calon menerangkan dua kepentingan perpaduan dalam menyelesaikan masalah dalam menangani masalah masyarakat. Jawapan yang dikehendaki adalah seperti *melahirkan semangat kerjasama, tolong menolong dan mengeratkan hubungan silaturrahim*.

(d) “Dan janganlah orang-orang yang mempunyai kelebihan dan kelapangan di antara kamu bersumpah bahawa mereka tidak akan memberi bantuan kepada kaum kerabatnya, orang-orang miskin dan orang-orang yang berhijrah pada jalan Allah s.w.t...” Kewajipan memberi bantuan seperti yang difahami dalam ayat di atas dapat menyelesaikan masalah kemiskinan. Senaraikan empat contoh kewajipan di atas.

Bagi soalan yang berbentuk Kemahiran Berfikir Secara Kreatif dan Kritis (KBKK) ini, calon dengan mudah memberi contoh kewajipan yang patut dilakukan untuk menyelesaikan masalah kemiskinan. Didapati calon juga memahami kehendak soalan dengan baik. Jawapan calon yang pelbagai, ringkas dan tepat turut membantu memperolehi markah yang baik. Manakala calon yang lemah pula tidak dapat memberi contoh yang sesuai dengan kehendak soalan. Ini adalah kerana calon tidak begitu memahami maksud petikan ayat al-Quran terutama bagi calon yang bukan Islam. Soalan ini meminta calon menyatakan contoh yang sesuai untuk melaksanakan kewajipan bagi mengatasi masalah kemiskinan. Jawapan yang sepatutnya ialah *membayar zakat, bersedekah atau derma, memberi biasiswa dan menyiarkan program-program kebajikan.*

SARANAN KEPADA CALON

1. Membuat ulangkaji terhadap semua tajuk yang telah dipelajari.
2. Fahami soalan dan kehendaknya dengan baik.
3. Menjawab dengan struktur ayat yang boleh difahami.
4. Elakkan daripada mengulang maksud isi yang sama.
5. Elakkan menjawab terlalu ringkas atau meleret-leret.
6. Sesuaikan jawapan dengan arahan dalam sesuatu soalan.

SARANAN KEPADA GURU

1. Guru perlu menyedarkan kepada calon bahawa semua bab dalam sukatan pelajaran Tasawwur Islam adalah penting dalam SPM.
2. Beri penekanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pemahaman konsep dalam semua tajuk yang diajar.
3. Perbanyakkan latihan menjawab soalan SPM yang lepas.
4. Membiasakan diri calon menjawab hanya lima soalan sahaja supaya memberi ruang kepada calon untuk berfikir kehendak soalan yang dikemukakan dan mampu memberi jawapan yang tepat dan padat.
5. Kerap mengadakan aktiviti soal jawab antara guru dengan calon supaya dapat menghasilkan percambahan idea yang rasional dan bernas.